



BEBERAPA HADITH BERKAITAN MASA DEPAN ISLAMICJERUSALEM

Oleh:

Mohd Roslan Mohd Nor*

ABSTRAK

Islamicjerusalem atau boleh juga dirujuk sebagai Bayt al-Maqdis merupakan suatu kawasan yang istimewa kepada masyarakat Islam, kerana kedudukannya disentuh secara langsung di dalam al-Qur'an dan Hadith. Disebabkan rantaui ini disebut di dalam rujukan utama umat Islam, maka kesuciannya terus diperteguh oleh kaum Muslimin. Sepanjang sejarah kehidupan Nabi Muhammad s.a.w., Baginda ada menyatakan dalam banyak keadaan mengenai apa yang akan berlaku ke atas Islamicjerusalem selepas kewafatannya. Oleh yang demikian, artikel ini akan cuba untuk mengupas beberapa Hadith asas berkaitan masa depan Islamicjerusalem supaya dapat difahami dan diperhalusi maksudnya untuk kefahaman umat Islam di Nusantara.

ABSTRACT

Islamicjerusalem, which may also be referred to Bayt al-Maqdis is a central region for Muslims, for an obvious reason that its significance has been clearly mentioned in the Qur'an and Hadith. Because of the region's mention in the core sources of Islam, Muslims have taken care of its sanctity in their life. During the time of Prophet Muhammad (pbuh), he has mentioned in various conditions of what will happen in the future to Islamicjerusalem, particularly after his death. Therefore, this article will attempt to explore some

* Mohd Roslan Mohd Nor, Ph.D, merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



basic Ahadith related to the future of Islamicjerusalem in order to understand its meaning for the benefit of all.

Keywords: *Islamicjerusalem, Bayt al-Maqdis, Hadith*

PENGENALAN

Bahan-bahan yang berkaitan dengan kelebihan sesuatu kawasan, bandar, daerah, rantau atau sesebuah negeri di dalam Islam secara umumnya dikenali sebagai *Faḍā'il al-Buldān* yang mengandungi riwayat-riwayat kelebihan kawasan-kawasan tersebut. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan kelebihan atau keutamaan Islamicjerusalem (Bayt al-Maqdis) dari sudut pandang Islam. Menarik untuk diperhatikan bahawa pada tanggapan penyelidik bukan Islam, mereka menyatakan orang Islam yang berminat dalam mengkaji hal ini kebanyakannya bermula pada akhir separuh abad pertama pada abad yang lalu, iaitu abad ke 20 M.¹ Sebenarnya umat Islam melihat kepentingan Islamicjerusalem ini semenjak dari zaman Nabi Muḥammad s.a.w. lagi. Pada zaman tersebut, Nabi Muḥammad sendiri pernah menyatakan beberapa perihal Islamicjerusalem yang adakalanya merujuk kepada masa depan rantau itu sendiri mahupun yang bersifat umum seumpama tentang kelebihan yang ada padanya.

Pada permulaan abad yang ke-2H., ahli sejarawan Muslim banyak menghasilkan penulisan-penulisan yang bertajuk *akhbar*, *tārīkh* atau *faḍā'il* sama ada merujuk kepada Mekah, Madinah atau beberapa bandar dan negara seperti Baghdad, Wasit, Marw, Hims, Qazwin, al-Sham, Mesir, Andalusia termasuklah Bayt al-Maqdis atau al-Quds. Walaupun ada yang mungkin terkeliru dan mengatakan bahawa perkara yang berkaitan dengan Islamicjerusalem ditulis lewat iaitu pada awal abad ke-3H., namun ianya hanyalah satu kekeliruan yang sengaja dibangkitkan oleh orientalis, pengkaji Islam yang ingin melihat kelemahan yang ada pada agama itu. Mereka (contoh: Hasson)² menyandarkan hujah kepada al-Asālī dan Maḥmūd Ibrāhīm yang menyebut bahawa penulis terawal menulis tentang Islamicjerusalem ialah Abū Hudhayfa Ishāq b. Bishr al-Qurashī al-Bukhārī (m. 206H./821M.), melalui penulisannya bertajuk *Futūh Bayt al-Maqdis*.

¹ Hasson, Izhak (1983), “The Muslim View of Jerusalem: The Qur'an and Hadith”, in Prawer, Joshua and Ben-Shammai, Haggai, *The History of Jerusalem; The Early Muslim Period 638 – 1099*. New York: New York University Press, h. 349.

² *Ibid..*



Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamicjerusalem

Jika diambil pandangan-pandangan daripada mereka ini, sudah pasti banyak kekeliruan yang akan timbul. Pada akhirnya apa yang mereka ingin buktikan ialah umat Islam tidak pernah menganggap bahawa Islamicjerusalem itu penting kerana umat Islam hanya menulis tentang rantau ini pada awal abad ke-3H. Oleh yang demikian, mengkaji tentang rantau ini memerlukan *interdisciplinary* dan *multidisciplinary approaches* yang akan memungkinkan para penyelidik mengenal pasti dari aspek manakah kekeliruan itu muncul, seterusnya dapat menangani permasalahan serta menyediakan jawapan berdasarkan hujah yang baik.

SALAH FAHAM TERHADAP STATUS ISLAMICJERUSALEM

Ramai di kalangan para penyelidik sama ada Muslim atau bukan Muslim, mengkaji mengenai status kedudukan Islamicjerusalem dalam Islam. Ia telah menarik para penyelidik semenjak dahulu lagi sehingga sekarang. Ada yang mengkaji dari sudut Tafsiran al-Qur'an mengenai Islamicjerusalem, Hadith-hadith yang berkaitan, aspek sejarah, sosio-budaya, demografi, politik antarabangsa, undang-undang, budaya mahupun dari aspek Syariah. Apa yang menjadi kelainan ialah wujudnya banyak aspek yang boleh dikaji tentang rantau ini. Bagi sesetengah Muslim mungkin melihatnya hanya dari aspek konflik Arab-Israel. Namun, hakikat bahawa Nabi Muhammad s.a.w.. memberi penekanan terhadap rantau ini memberi satu harapan baru dalam menilai dan mengkaji apakah yang dimaksudkan oleh Baginda. Begitu juga, ia akan sendirinya menjawab beberapa tuduhan liar yang menyatakan Islam tidak mengambil berat rantau tersebut.

Sebagai contoh, bagi Goiten dan Grabar,³ mereka menganggap bahawa al-Qur'an tidak langsung menyebut tentang Islamicjerusalem secara jelas (*explicit*), tidak ada di dalamnya sama ada dengan menggunakan perkataan atau istilah yang pernah digunakan sebelum Islam ataupun istilah selepas rantau itu dikuasai oleh Islam. Ini pada hakikatnya hanyalah kekeliruan yang berlaku dalam memahami teks al-Qur'an itu sendiri. Ia juga merupakan salah faham terhadap ayat-ayat yang menggunakan istilah yang pada asasnya merujuk kepada Ismaicjerusalem. Berdasarkan beberapa kajian yang dibuat, menunjukkan di sana ada beberapa istilah sama ada di dalam al-Qur'an atau di dalam Hadith yang merujuk langsung kepada rantau Islamicjerusalem.⁴ Sebagai contoh, melalui al-Qur'an, penulis

³ Goiten, S. D & Grabar, Oleg, 'al-Kuds,' in *Encyclopedia of Islam*. Leiden: E. J Brill.

⁴ Lihat M Roslan M Nor (2006), *The Significance of Islamicjerusalem in Islam: Quranic and Hadith Perspectives*, Tesis Ph.D Al-Maktoum Institute, University of Aberdeen, h. 32- 40; El-Awaisi, Khalid (2007), *Mapping Islamicjerusalem; A Rediscovery of Geographical Boundaries*. UK: al-Maktoum Institute Academic Press, h. 269-270.



mendapati ada beberapa istilah seperti *al-Ard al-Muqaddasah*, *al-Ard Allati Bāraknā Fīhā*, *Alladhi Bāraknā Hawlahu* dan *al-Masjid al-Aqṣā*. Istilah-istilah ini apabila dilihat, kesemuanya merujuk kepada rantau Islamicjerusalem.

Justeru, ada kemungkinan apa yang difahami oleh Goiten dan Grabar itu ialah tiadanya perkataan JERUSALEM di dalam al-Qur'an. Kalau itulah yang dimaksudkan, maka ia sedikitpun tidak menjelaskan kepentingan Islamicjerusalem dan keunggulannya kepada Muslim. Malah Nasir-i Khusro menjelaskan bahawa Islamicjerusalem merupakan antara 3 tempat penting dalam Islam, di mana kerajaan yang memerintah seperti Umayyah, 'Abbāsiyyah, Fātīmiyyah, Ayyūbiyyah dan Mamluk memberi penekanan terhadap kepentingan rantau ini kepada Islam. Walaupun pada pandangan Khusro kerajaan 'Abbāsiyyah dan Fātīmiyyah tidak sangat memberi penekanan kepentingannya kepada Islam, namun secara umum ia masih dianggap sebagai penting kepada masyarakat Muslim.⁵

PENEKANAN ISLAM TERHADAP ISLAMICJERUSALEM

Di dalam Hadith ada ditegaskan bahawa Islamicjerusalem sebagai antara tempat yang semestinya diutamakan oleh umat Islam. Sebuah Hadith berbunyi:⁶

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال لا
تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مساجد الحرام ومسجد الرسول
صلى الله عليه وسلم ومسجد الأقصى.

Daripada Abū Hurayrah r.a. daripada Nabi s.a.w. bersabda:
Jangan kalian keluar berjalan melainkan untuk melawat tiga tempat ibadat iaitu Masjid al-Haram, Masjid al-Nabawi dan Masjid al-Aqsa.

Merujuk kepada Hadith ini, dapat difahami bahawa Masjid al-Aqsa adalah yang ketiga suci di dalam Islam dan umat Islam sangat digalakkan untuk melawat masjid ini, di samping dua lagi masjid iaitu Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid al-Nabawi di Madinah. Ini jelas membuktikan bahawa Islam tidak pernah melupakan kepentingan Islamicjerusalem kepada

⁵ Khusro, Nasir-i (1896), *Palestine Pilgrim's Text Society* (terj.) Le Strange, G., vol. 4, London, h. 23.

⁶ Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Jum'ah, Bāb Faḍl al-Šalāh fī Masjid Makkah wa Madinah.



Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamicjerusalem

kaum Muslimin, di mana rantau itu cukup bersejarah dengan kesan-kesan peninggalan para *anbiyā'* terdahulu.

Ia menjadikan rantau ini begitu penting dan signifikan di dalam Islam. Tidak ada sebab mengapa para orientalis bersungguh-sungguh menafikan kewujudan ataupun kepentingan rantau ini kepada umat Islam. Apa yang berlaku ialah para orientalis moden cuba untuk merampas hak umat Islam ini secara argumentasi akademik, yang mana jika dilihat secara objektif, argumentasi akademik mereka sebenarnya tiada asas kukuh.

ISLAMICJERUSALEM (BAYT AL-MAQDIS) QIBLAT PERTAMA UMAT ISLAM

Bagi menunjukkan bahawa Islamicjerusalem ini tidak pernah dilupai sepanjang sejarah Islam, maka ada baiknya untuk ditinjau statusnya dari aspek Hadith. Sebagai gambaran awal, adalah wajar untuk melihat bahawa sedari awal Islam, Islamicjerusalem telah menjadi Qiblat pertama umat Islam sehingga kira-kira 16 – 17 bulan selepas peristiwa Israk dan Mikraj. Ini menunjukkan kepentingan Islamicjerusalem itu sendiri yang mana ia diiktiraf sebagai Qiblat pertama, sebelum umat Islam dibenarkan untuk beralih Qiblat ke Kaabah.

Sabda Nabi s.a.w.:⁷

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ رَجَاءَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ
عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى نَحْنُ بَيْتَ الْمَقْدِسَ سَتَةَ عَشَرَأَوْ سَبْعَةَ
عَشَرَ شَهْرًا وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ أَنْ يَوْجِهَ
إِلَى الْكَعْبَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ قَدْ نَرَى تَقْلِبَ وَجْهِهِ فِي السَّمَاءِ فَتَوَجَّهَ
نَحْنُ إِلَيْهِ الْكَعْبَةَ وَقَالَ السَّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ وَهُمُ الْيَهُودُ مَا وَلَاهُمْ عَنِ
قِبَلَتِهِمُ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا قُلَّ اللَّهُ الْمَشْرُقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مِنْ يَشَاءُ
إِلَى صَرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ فَصَلَّى مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ
نَّمِ خَرَجَ بَعْدَ مَا صَلَّى فَمَرَّ عَلَيْ قَوْمٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فِي صَلَةِ الْعَصْرِ
نَحْوِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ فَقَالَ هُوَ يَشْهُدُ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ

⁷ Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, “al-Šalāt al-Tawajjah Naḥw al-Qiblah Ḥayth Kāna”.



عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَّهُ تَوَجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ فَتَحَرَّفَ الْقَوْمُ حَتَّىٰ تَوَجَّهُوا
نَحْوَ الْكَعْبَةِ.

Jelas di dalam Hadith di atas ungkapan yang menunjukkan Nabi s.a.w. mengadap ke Bayt al-Maqdis ketika Baginda solat selama 16-17 bulan selepas berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa itu pada asasnya memberi gambaran bahawa bermulanya kefarduan solat lima waktu sehari semalam setelah Rasulullah s.a.w. menerima perintah itu dari Allah S.W.T.. Oleh yang demikian, Bayt al-Maqdis telah menjadi Qiblat yang pertama⁸ setelah kefarduan solat lima waktu itu terpundak ke atas bahu kaum Muslimin.

Para cendikiawan Muslim melihat bahawa Nabi s.a.w. semenjak dari Baginda dilantik menjadi Rasul, telah melakukan solat dengan mengadap ke Bayt al-Maqdis. Ini berlaku sehingga Baginda pulang dari Israk dan Mikraj. Ketika di Mekah, Baginda menggabungkan dua qiblat sekaligus iaitu Kaabah dan Bayt al-Maqdis. Ini dibuat dengan Baginda mengerjakan solat di bahagian selatan dengan mengadap ke sebelah utara.⁹ Ia lebih dikenali dengan Rukun Yamani (bucu selatan) dan Rukun Syami (bucu utara). Keadaan ini berterusan sehingga Allah S.W.T. menurunkan wahyu¹⁰ yang membenarkan Baginda menukar Qiblat dan mengadap Kaabah ketika mengerjakan solat.

HADITH-HADITH BERKAITAN MASA DEPAN ISLAMIC JERUSALEM

Di dalam perbincangan seterusnya, penulis berhasrat untuk mengemukakan Hadith yang berbentuk kedudukan masa depan Islamicjerusalem sepetimana yang diungkapkan oleh Nabi s.a.w. kepada para sahabat Baginda. Hadith-hadith yang menyentuh masa depan rantau ini sebenarnya menunjukkan bahawa Islam memang memberi keutamaan ke atasnya, tidak sepetimana ungkapan para orientalis bukan Islam yang digambarkan di atas. Hadith-hadith yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Islamicjerusalem akan dikuasai kaum Muslimin selepas kewafatan Nabi s.a.w. Antara Hadith yang menceritakan tentang masa depan Bayt al-Maqdis, terdapat satu Hadith yang menerangkan penghabaran

⁸ Lihat juga Cragg, Kenneth (1998), ‘The Excellences of Jerusalem,’ *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, vol. 2, no. 1, Winter, h. 15.

⁹ Shabir, Muhammad ‘Uthmān (2004). *Bayt al-Maqdis wa ma Hawlah: Khaṣā’iṣuh al-Āmmah wa Ahkāmu al-Fiqhiyyah*. Amman: Dār al-Nafā’is, h. 59.

¹⁰ Surah al-Baqarah 2:144.



Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamicjerusalem

Nabi Muhammad s.a.w. bahawa rantau itu akan dibebaskan oleh kaum Muslimin. Hadith tersebut berbunyi:¹¹

حَدَّثَنَا الْحَمِيْدِيُّ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْعَلَاءِ بْنِ زَبْرٍ قَالَ سَمِعْتُ بَسْرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا إِدْرِيسَ قَالَ سَمِعْتُ عَوْفَ بْنَ مَالِكَ قَالَ :أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزَوَةِ تَبُوكَ وَهُوَ فِي قَبْيَةٍ مِنْ أَدَمَ فَقَالَ اعْدُ سَتَانِينَ يَدِي السَّاعَةِ مُوتِي ثُمَّ فَتَحَ بَيْتَ الْمَقْدِسِ ثُمَّ مُوْتَانَ يَأْخُذُ فِيكُمْ كُعَاصَ الْغَنَمِ ثُمَّ اسْتَفَاضَةُ الْمَالِ حَتَّى يَعْطِي الرَّجُلُ مائَةً دِينَارٍ فَيَظْلَمُ سَاحِطًا ثُمَّ فَتَنَّةٌ لَا يَقِنُ بَيْتَ مِنَ الْعَرَبِ إِلَّا دَخَلَتْهُ ثُمَّ هَدْنَةٌ تَكُونُ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ بَنِي الْأَصْفَرِ فَيَغْدِرُونَ فَيَاتُونَكُمْ تَحْتَ ثَمَانِينَ غَایَةً تَحْتَ كُلِّ غَایَةٍ اثْنَا عَشَرَ أَلْفًا

Jelas Hadith ini membincangkan soal masa depan Islamicjerusalem, perbincangan yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. di mana Baginda menyatakan bahawa rantau itu akan dapat dibebaskan dari cengkaman pihak lain. Sejarah memperlihatkan bagaimana rantau itu akhirnya telah diserahkan kepada kaum Muslimin, di mana Sayyidina ‘Umar al-Khaṭṭāb menerima penyerahan tersebut. Ia tidak berlaku di zaman Nabi Muhammad s.a.w. kerana Baginda wafat lebih awal.

Penyerahan rantau ini kepada Sayyidina ‘Umar tidak bermakna Rasulullah s.a.w. tidak memberikan prioriti terhadapnya. Sebenarnya sejarah menunjukkan kepada kita bahawa Baginda telah lebih awal merancang untuk menawan rantau itu. Ini dapat dilihat melalui perancangannya ketika menghantar pasukan tentera ke sebelah utara Jazirah Arab, termasuklah Tabuk dan apa yang dikenali sebagai *Bi’tah Usāmah* serta *Mu’tah*. Abdallah Ma’rouf ketika membahaskan perkara ini dengan jelas menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. sememangnya mempunyai perancangan yang jelas dan rapi serta mengambil langkah-langkah yang praktikal dalam usaha menawan Islamicjerusalem dan dikembalikan kepada umat Islam.¹² Ini tidak lain kerana rantau itu begitu signifikan terhadap umat Islam secara keseluruhannya.¹³

¹¹ Al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, “al-Jizyah, Mā Yahdūr min al-Ghadr”

¹² Omar, Abdallah Ma’rouf (2006), “Towards the Conquest of Islamicjerusalem: The Three Main Practical Steps Taken by Prophet Muhammad”, dalam *Journal of Islamicjerusalem Studies*, UK: Al-Maktoum Institute Press, vol 7, Summer, h. 55-100.

¹³ Lihat M Roslan M Nor (2006), *op.cit.*,



KUMPULAN YANG BERJUANG AKAN SENTIASA WUJUD DI ISLAMICJERUSALEM

Di sana ada Hadith yang menyatakan bahawa akan sentiasa wujud golongan yang berjuang untuk menegakkan kebenaran Islam di rantau Islamicjerusalem. Hadith itu berbunyi:

عن أبي أمامة الباهلي، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا
تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق، لعدوهم قاهرين، لا يضرهم من
خلفهم، حتى يأتي أمر الله - عز وجل - وهم كذلك، قالوا: يا رسول
الله وأين هم، قال: "في بيت المقدس وأكناف بيت المقدس"

Abū Umāmah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Segolongan umatku akan terus memperjuangkan kebenaran menentang musuh mereka yang ganas dengan kecekalan. Orang yang tidak bersetuju dengan perjuangan mereka tidak dapat melemahkan perjuangan mereka sehingga sampai ketentuan Allah; namun mereka tetap teguh dengan perjuangan. Sahabat bertanya wahai Rasulullah di mana mereka? Baginda menjawab: di Bayt al-Maqdis dan persekitaran Bayt al-Maqdis.¹⁴

Hadith ini diklasifikasikan oleh al-Albāñī di dalam kitabnya yang berkaitan dengan silsilah Hadith sahih.¹⁵ Secara jelas Hadith ini menunjukkan bagaimana Nabi s.a.w. telah menyatakan masa depan umat Islam selepas zaman Baginda, iaitu umat Islam akan terus berjuang dalam menegakkan Islam. Secara khusus Hadith ini menyebut bahawa mereka yang akan sentiasa berjuang itu berada di Bayt al-Maqdis dan di persekitarannya. Hadith ini menjelaskan 3 perkara utama, iaitu:

- i. Sifat orang-orang yang mengetahui kebenaran di mana mereka akan terus menegakkan kebenaran tersebut demi kesucian Islam walaupun ada banyak ujian yang terpaksa dilalui.
- ii. Kelompok yang benar dan memperjuangkan kebenaran itu akan terus wujud dikalangan umat manusia meskipun ada yang cuba menghapuskan mereka.
- iii. Kelompok yang benar dan memperjuangkan kebenaran itu berada di Bayt al-Maqdis dan di sekitar rantau itu.

¹⁴ Lihat Hadith: Ibn Ḥanbal, *Masnad Aḥmad*, Bāqī Masnad al-Anṣār, Ḥadīth Abī Umāmah al-Bāhilī.

¹⁵ Al-Albāñī, Muḥammad Nasīr al-Dīn (1995). *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah*. Riyad: Maktabah al-Ma’ārif, h. 600.



Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamicjerusalem

Kelompok yang berjuang ini turut dikenali sebagai *Tā'ifah al-Manṣūrah*, kumpulan yang menang. Perkataan ‘kumpulan’ itu sebenarnya mempunyai pelbagai penafsiran. Sesetengah ulama’ menganggapnya sebagai bermaksud *Ahl al-Ilm*, ada yang menganggap mereka sebagai *Ahl al-Hadīth*. Tidak kurang juga yang mengatakan bahawa mereka ialah Mujtahid dalam Hukum Syara’ dan Akidah dan ada yang menyatakan mereka ialah para Mujahid yang menegakkan kalimah Allah.¹⁶ Sudah tentulah frasa umum iaitu mereka yang menegakkan kalimah Allah merupakan pentafsiran terbaik ke atas Hadith di atas dan ia lebih tepat.

Penafsiran Hadith yang dilakukan oleh para ulama’ terdahulu adakalanya menyatakan bahawa golongan yang berjuang dan *Tā'ifah Manṣūrah* itu adalah *Ahl al-Shām*. Ini sebenarnya tidak pelik, kerana Islamicjerusalem termasuk di dalam kategori wilayah al-Sham, sebelum sempadannya dirombak oleh penjajah barat, setelah ia dijajah pada awal abad ke 20 Masehi. Imam Ahmad, walaupun meriwayatkan Hadith yang menyebut frasa *fī Bayt al-Maqdis wa aknaf Bayt al-Maqdis*, beliau juga ada menyatakan bahawa mereka adalah *Ahl al-Shām*.¹⁷

Seperti penulis katakan, ini perkara yang biasa, iaitu pada waktu dahulu penduduk Islamicjerusalem ini juga dikenali sebagai penduduk al-Sham. Ibn Taymiyyah turut mengatakan bahawa mereka adalah *Ahl al-Shām* yang mana mereka ini merupakan pasukan pejuang yang sentiasa menang atau dimenangkan.¹⁸ Penulis turut membicarakan istilah al-Sham ini yang pada pandangan penulis memang merujuk kepada rantau Islamicjerusalem, apatah lagi jika ada tafsiran ayat al-Qur'an atau Hadith yang merujuk terus kepada rantau itu. Oleh sebab itu pada pandangan penulis, istilah al-Sham merupakan salah satu dari istilah yang merujuk kepada Islamicjerusalem, bersama dengan istilah-istilah lain lagi.¹⁹

ISLAMICJERUSALEM TEMPAT BERHIMPUN DI HARI AKHIRAT

Sementara Hadith-hadith mengenai masa depan Islamicjerusalem berkisar tentang jihad, perjuangan dan pembebasan rantau tersebut, ada satu Hadith yang menyebut tentang Islamicjerusalem sebagai tempat berhimpun di hari akhirat. Hadith itu berbunyi:

¹⁶ Shabir, Muhammed ‘Uthmān (2004), *op.cit.*, h. 30-31.

¹⁷ Lihat Ibn Qudāmah al-Mughnī, *op.cit.*, jil. 8, h. 355.

¹⁸ Ibn Taymiyyah (1403-1404H), *Maṇaqib al-Shām wa Ahluh ma'a Faḍā'il al-Shām li al-Rābi'i*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 76-77.

¹⁹ Lihat M Roslan M Nor (2006), *op.cit.*, h. 32-62.



أن ميمونة مولاة النبي صلى الله عليه وسلم قالت يا نبي الله أفتنا في
بيت المقدس فقال أرض المنشر والمحشر

Daripada Maymūnah (orang suruhan Nabi s.a.w.), beliau berkata: Wahai Nabi Allah, berikan fatwa kepada kami mengenai Bayt al-Maqdis, sabda Nabi s.a.w. ia tanah kebangkitan dan perhimpunan...²⁰

Hadith di atas membayangkan kepada kita bahawa Islamicjerusalem merupakan tempat di mana manusia akan dibangkitkan di hari akhirat dan akan dihimpunkan di situ. Ini berdasarkan kepada Hadith yang jelas menyatakan demikian. Bahkan Hadith ini didapati boleh diterima kerana ada beberapa riwayat yang dikemukakan. Tetapi ada satu riwayat yang datang dari Ibn Mājah di dapati lemah (*dā’if*) menurut kaca mata al-Albāñī berdasarkan klasifikasi yang telah dibuat di mana Hadith ini tercatat di dalam kitabnya bertajuk *Dā’if Sunan Ibn Mājah*.

Walaubagaimanapun, al-Buṣrī di dalam kitab *al-Zawā’id* seperti yang dinyatakan oleh al-Qazqī menyatakan bahawa sanad dari Ibn Mājah adalah sahih dan perawinya juga adalah *thiqah*. Malah al-Qazqī mengatakan sanadnya lebih sahih Abū Dāwūd.²¹ Perawi riwayat Ibn Mājah terdiri daripada Ismā’īl ibn ‘Abd Allāh al-Rāqī, ‘Isā ibn Yūnus, Thur ibn Yazīd, Ziyād ibn Abī Sawdah, ‘Uthmān ibn Abī Sawdah, Maymūnah dari Nabi s.a.w.. Justeru, Hadith ini boleh dikategorikan sebagai Hadith yang mempunyai *shawāhid*, iaitu boleh diterima sebagai pengujahan.

ISLAMICJERUSALEM DALAM CENGKAMAN ISRAEL KINI²²

Walaupun penulis datangkan beberapa Hadith yang bersangkutan secara langsung dengan Islamicjerusalem, namun hakikatnya kini rantau tersebut di bawah penguasaan Yahudi yang telah menubuhkan negara Israel di atas tanah yang dirampas dari penduduk Arab terutamanya penduduk Islam. Penguasaan Yahudi terhadap rantau ini secara rasmi bermula dari

²⁰ Lihat Hadith: Ibn Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Min Musnad al-Qabā’il, Hadīth Maymūnah bint Sa’ad r.a.

²¹ al-Qazqī (2003), *op.cit.*, h. 216.

²² Bahagian ini dipetik dari Abdul Ghani Samsudin dan Mohd Roslan Mohd Nor (2008), “Beberapa Langkah Awal untuk Pembebasan al-Aqsa”, kertas kerja yang dibentangkan di *al-Aqsha International Conference* pada 21 Ogos 2008, anjuran Center of Middle East Studies (COMES), di Auditorium Adhyana Wisma Antara Jakarta, Indonesia, h. 4-5.



Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamicjerusalem

pengisytiharan Israel sebagai sebuah negara pada 15 Mei 1948²³ di mana menurut Cattan ia sebenarnya telah digembar-gemburkan oleh Israel sehari sebelum itu iaitu pada 14 Mei 1948.²⁴

Semenjak Israel menang Perang-6-Hari dan seterusnya menawan serta menjajah (*occupied*) Jerusalem Timur (*East Jerusalem*) pada bulan Jun 1967,²⁵ Masjid al-Aqsa dan Bayt al-Maqdis terus dikuasai oleh Yahudi secara politik dan perundangan, sehingga ke hari ini. Masyarakat Islam Palestin dan antarabangsa tidak dapat untuk mengunjungi Masjid al-Aqsa secara bebas. Mereka harus mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak tentera Israel. Inilah kesan penjajahan yang mereka lakukan ke atas tanah Palestin ini.

Setelah ia dijajah, Masjid al-Aqsa telah mengalami pelbagai peristiwa yang mewarnai kedukaan umat Islam. Pada 21 Ogos 1969, Masjid al-Aqsa telah diserang dan dibakar oleh musuh yang tidak bertanggungjawab. Bahagian masjid yang teruk terbakar ialah di sebelah tenggara yang turut dikenali sebagai al-Ḥaram al-Sharīf. Satu bahagian yang bersejarah turut hangus iaitu Mimbar Masjid berusia 1000 tahun yang telah didatangkan dari Aleppo pada zaman Ṣalahuddīn al-Ayyūbī. Pembakaran itu angkara durjana dari Australia, Michael Denis Rohan, pengikut Kristian Evangelical, mazhab yang dikenali sebagai Worldwide Churh of God. Ini berlaku sudah tentu kerana tiada kawalan ketat yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap pelancong asing yang berkulit putih. Tentera Israel hanya menyusahkan orang-orang beragama Islam sahaja untuk masuk ke Masjid al-Aqsa, tetapi membiarkan orang-orang lain, termasuk Yahudi dan Kristian masuk ke kawasan masjid itu.

Kesucian Masjid al-Aqsa turut dicemari dengan lawatan oleh Perdana Menteri Israel iaitu Ariel Sharon pada 28 September 2000 diiringi oleh 1000 tentera Israel, yang secara sengaja telah menyebabkan berlakunya intifadah ke-2 rakyat Palestin. Mereka bangkit menentang tindakan yang dilakukan oleh Sharon itu, di mana ia telah secara sengaja mencemarkan tempat ibadah umat Islam dan dengan sengaja menaikkan kemarahan umat Islam. Rakyat Palestin bangkit memprotes pada keesokannya, selepas solat Jumaat mereka menentang pasukan pengawal Israel yang telah menyebabkan lebih 200 orang Islam cedera, sekurang-kurangnya 4 orang maut.²⁶

²³ Pappe, Ilan (1994), *The Making of the Arab-Israeli Conflict 1947 – 51*. London: I. B Tauris & Co Ltd, h. 44.

²⁴ Cattan, Henry (1976), *Palestine and International Law*. UK: Longman Group Ltd, h. 21-23.

²⁵ *Ibid.*, h. 167-169.

²⁶ Gelvin, James L. (2005), *The Israel – Palestine Conflict: One Hundred Years of*



Manakala pada bulan Februari 2007, pengorekan telah berlaku di mana pihak Israel ingin membina jejantas. Walaupun pengorekan itu berlaku pada jarak 60 meter dari Masjid al-Aqsa, namun umat Islam tetap membantahnya kerana khuatir akan kesan yang akan dihadapi nanti. Ini menyebabkan Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniya memohon supaya pejuang-pejuang Palestin bersatu demi mempertahankan Al-Aqsa.

Pengorekan di bawah tapak Masjid al-Aqsa ini bukan perkara baru. Ia tidak lain bertujuan untuk memusnahkan Masjid al-Aqsa bagi dibina apa yang dikenali sebagai Haykal Sulaymān, lambang keunggulan bagi orang Yahudi.

Rencana keamanan tajaan Amerika yang turut dikenali sebagai ‘*road map*’ seakan tidak mampu untuk merungkai persoalan mencari kedamaian di Palestin dan mengembalikan Bayt al-Maqdis serta seluruh tanah itu kepada umat Islam. Israel turut tidak serius dalam hal menyelesaikan konflik ini. Ia jelas apabila Israel dengan begitu angkuh membina tembok pemisah antara Israel dan sempadan Jerusalem. Mereka seolah ingin menggambarkan kepada dunia bahawa masyarakat Muslim Palestin itu ganas, lalu perlu dibina tembok itu bagi menghalang orang Islam masuk ke kawasan mereka. Inilah bukti nyata perang psikologi yang dimainkan oleh Israel.

Amerika dikenali sebagai pembantu utama kepada Israel. Pada tahun 2004 sahaja Amerika telah menyalurkan \$2.3 billion sebagai bantuan ketenteraan dan \$500 juta sebagai bantuan ekonomi ke atas Israel.²⁷ Mengapa Amerika beria sangat membantu Israel? Sudah tentulah ia mempunyai kepentingan tertentu di Timur Tengah itu dan hanya Israel sahajalah yang boleh membantu Amerika dalam mencapai agenda yang diinginkan.²⁸

Malah apa yang ditekankan oleh Amerika iaitu untuk membentuk sebuah negara Palestin yang merdeka, dilihat mempunyai agenda tersendiri. Jika ini yang diperjuangkan oleh Amerika, maka ia bermaksud memaksa umat Islam untuk menerima kewujudan negara Israel tersebut. Kawasan yang ingin dijadikan negara Palestin itu hanyalah dua daerah kecil, iaitu Jerusalem dan Gaza. Apakah ini nilai sebuah negara Palestin? Apakah

War. Cambridge: Cambridge University Press, h. 242-243.

²⁷ http://www.aqsa.org.uk/Portals/0/Leaflets/LF_22_USA&Israel.pdf. 5 Ogos 2008.

²⁸ Pada tahun 1953, German menjanjikan bantuan sebanyak \$700 juta sebagai gantirugi kepada peristiwa Holocoust. France memberi bantuan ketenteraan. Amerika Syarikat memberi \$3 billion bantuan *direct* setiap tahun dan hampir \$3 billion lagi bantuan *indirect*. Lihat James L. Gelvin (2005). *Ibid.*, h. 170.



Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamicjerusalem

semudah itu untuk membenarkan Israel terus menguasai tanah Palestin ini? Apakah seluruh umat Islam boleh menerima kenyataan kewujudan negara Israel yang menjajah tanah rakyat Palestin itu? Ini yang harus dipersoalkan.

Selagi mana Zionis Israel menguasai Palestin, di tambah dengan bantuan Amerika, selagi itulah umat Islam akan terus sengsara menanti suatu kepastian yang tidak pasti. Lihatlah apa yang berlaku baru-baru ini di mana seorang lelaki Palestin diperlakukan dengan kejam. Beliau ditembak dalam keadaan matanya ditutup, tangannya diikat, lalu seorang tentera Israel tanpa rasa kemanusiaan, terus membedil dengan senapang canggih mereka. Begitu mudah mereka mahu meragut nyawa umat Islam di al-Aqsa sekarang. Inilah yang digambarkan oleh Noam Chomsky sebagai suatu perkara yang tidak mengejutkan: *"It is not surprising that a US client state should adopt standard US military doctrine, which has left a toll too awesome to record, including very recent years"*.²⁹

Chomsky turut mengatakan bahawa sekiranya masyarakat Palestin itu berkulit hitam, sudah tentu apa yang dibuat oleh Israel sekarang atas bantuan Amerika boleh dikategorikan sebagai *Apartheid* moden. Beliau menyatakan: *"And just as the black population was allowed into South Africa's white areas in disgracefully under-resourced townships, so Israel's treatment of Israeli Arabs - flagrantly discriminating against them in housing and education spending - would be recognised as scandalous too"*.³⁰

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa masa depan Islamicjerusalem sebenarnya telah dinyatakan secara jelas berdasarkan sumber kedua terpenting dalam Islam iaitu Hadith. Apa yang dibawa di dalam perbincangan ini hanyalah beberapa Hadith sahaja. Sebenarnya masih banyak lagi Hadith-hadith yang berkaitan seperti kisah dajjal, Nabi 'Isā dan sebagainya. Namun Hadith-hadith yang dibawa ini tidaklah menjurus secara langsung mengenai apa yang berlaku ketika ini di rantau itu. Penulis berpandangan keadaan semasa Islamicjerusalem lebih kepada percaturan politik antarabangsa yang mahu melihat rantau strategik ini terus dikuasai oleh barat. Justeru kita dapat melihat betapa Israel tidak membantu dalam usaha mencari kedamaian di sana berdasarkan catatan-catatan yang dikemukakan secara ilmiah. Antaranya frasa berikut:

²⁹ Noam Chomsky, al-Aqsa Intifada, dalam *Mid-East Realies*, 28 Oct 2000. Lihat <http://www.hartford-hwp.com/archives/51a/092.html>, diakses pada 5 Ogos 2008.

³⁰ *Ibid..*



*"There was a third reason why the land-for-peace was difficult to implement: Israeli attitudes toward the conquered territories. Some of the territories were relatively easy for Israel to part with. Some, more difficult. And the Israelis refused to put one piece of real estate – the portion of Jerusalem the annexed – on the table at all."*³¹

Dari pernyataan itu, jelas sekali menunjukkan bahawa Israel terlalu angkuh, apatah lagi dengan sokongan yang mereka dapat dari negara-negara sekutu Amerika Syarikat, terutamanya United Kingdom dan negara-negara Kesatuan Eropah. Inilah yang menjelaskan kestabilan rantau tersebut, selama sudah hampir mencapai satu abad, 100 tahun. Apa pun, kaum Muslimin tidak seharusnya gusar terhadap perkembangan semasa di sana dan seharusnya memperteguh keyakinan bahawa Islamicjerusalem mampu untuk dibebaskan kembali sepertimana yang berlaku pada zaman Sayyidina 'Umar al-Khaṭṭāb dan Ṣalahuddīn al-Ayyūbī. Sesungguhnya semangat mereka mesti disemat dalam meniti liku pergolakan rantau yang penuh bersejarah kepada umat Islam ini.

³¹ Gelvin, James L. (2005), *op. cit.*, h. 182.